

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang diambil oleh pihak JAKIM bagi mengekang penulatan ideologi Al-Dawla Al-Islamiya Al-Iraq Al-Sham (DAESH) daripada menular di Malaysia.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha bagi menangani masalah yang timbul dan mengatasi salah faham serta kekeliruan masyarakat berkaitan ideologi kumpulan militan ISIS atau DAEISH bukan sepenuhnya terletak dibawah tanggung jawab Jabatan

Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), bahkan melibatkan pelbagai pihak termasuk Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia dan pihak berkuasa keselamatan serta agensi-agensi lain yang berkaitan. Ini kerana Kerajaan menyedari bahawa fahaman dan ideologi yang dibawa kumpulan militan ISIS atau DAEISH adalah ideologi dan fahaman yang salah dan amat merbahaya. Ia boleh mengancam keselamatan negara dan keharmonian masyarakat kerana tindakan-tindakan keras dan agresif yang dilakukan terhadap mana-mana pihak yang tidak sealiran dengan ideologi yang menjadi pegangan mereka.

Di samping tindakan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri dan pihak berkuasa yang lain, JAKIM telah menubuhkan Jawatankuasa (*Task-force*) Penerangan Jihad Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM yang turut dianggotai oleh agensi-agensi keselamatan seperti Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Agama Islam Negeri dan lain-lain.

Melalui Jawatankuasa Khas ini, JAKIM bersama-sama agensi-agensi yang berkaitan telah melaksanakan pelbagai program penerangan dan kesedaran mengenai konsep Jihad, bahaya ancaman kumpulan militan IS dan isu-isu keselamatan negara. Pelaksanaan program-program tersebut dibuat melalui kaedah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) antara JAKIM dan agensi atau jabatan yang berkaitan mengikut bidang dan kepakaran agensi masing-masing. Pelbagai saluran mekanisme dilaksanakan seperti melalui penulisan di dalam akhbar, program TV dan

Radio, media baharu, termasuk melalui program penerangan sehalal seperti seminar, dialog, forum, khutbah jumaat dan lain-lain.

Program-program penerangan dan penjelasan ini akan terus dilaksanakan sehingga Kerajaan berpuas hati bahawa isu tersebut tidak lagi menjadi ancaman keselamatan negara dan keharmonian seluruh warga dapat dinikmati dengan selesa.

Sekian, terima kasih.